KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPN KEDAH			

HM 14.1.2022_20

10 Taman Eko Rimba seliaan JPNK dibuka

Alor Setar: Sebanyak 10 Taman Eko Rimba di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) kembali dibuka kepada pengunjung semalam selepas ditutup sejak 10 November lalu.

Pengarah JPNK, Muhamad Abdullah berkata, keputusan itu dibuat selepas mendapati cuaca beralih ke musim panas ketika ini.

"Semua Taman Eko Rimba dibuka mulai hari ini (semalam) berikutan Kedah tidak lagi berada di musim tengkujuh dan keadaan cuaca ketika ini tidak lagi berbahaya kepada pengunjung. Cuma kami nasihatkan pengunjung tidak pergi ke sungai yang berbatu licin dan elak masuk ke kawasan mempunyai pokok condong bagi mengelak kejadian tidak diingini.

"Pengunjung perlu pilih kawasan selamat untuk beriadah dan pada masa sama jaga keselamatan diri," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, JPNK menutup semua Taman Eko Rimba selepas kawasan peranginan Bukit Wang, Jitra, dilanda fenomena kepala air pada 9 November lalu.

Langkah itu diambil berikutan cuaca hujan tidak menentu dan kadar taburan hujan yang tinggi sehingga menyebabkan risiko berlakunya kepala air.

Mengulas lanjut, Muhamad berkata, pengunjung diingatkan tidak mencerobo kawasan hutan simpan dan perlu memohon permit sekiranya hendak berbuat demikian.

Katanya, kawasan hutan lipur dibuka kepada pengunjung hanya untuk tujuan beriadah dan rekreasi di sekitar sungai sahaja.

"Orang ramai yang hendak masuk ke hutan simpan perlu mohon kebenaran JPNK, kita boleh kesan individu yang masuk tanpa kebenaran dan tahu apa tujuan mereka," katanya.